

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peranan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri dalam usahasama seluruh jentera Kerajaan menangani pandemic COVID-19 ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani penularan kejadian pandemik COVID-19 di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengguna pakai Operasi Pengurusan Bencana sebagaimana yang digariskan melalui Pelan Pengurusan Bencana KKM.
2. Operasi Pengurusan Bencana ini melibatkan pelaporan dan penilaian risiko di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan seterusnya di peringkat Ibu Pejabat KKM (IPKKM).
3. PKD dan JKN merupakan anggota tetap bagi Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah dan negeri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan di peringkat Daerah / Negeri dan bertindak sebagai badan yang menyelaras aktiviti-aktiviti bagi pengurusan bencana di peringkat daerah dan negeri.

4. Jawatankuasa ini bukanlah satu jawatankuasa yang baru, dan semasa kejadian pandemik COVID-19 ini, KKM telah menggunakan platform jawatankuasa ini bagi menggerakkan aktiviti penyelarasan respon terhadap COVID-19 di peringkat masing-masing.

5. Jawatankuasa Bencana ini akan diaktifkan apabila terjadinya sesuatu bencana seperti kejadian penularan wabak COVID-19 di daerah. Pegawai Kesihatan Daerah mewakili Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan mengemaskini isu berkaitan dan perancangan bagi respon terhadap kejadian pandemik tersebut di peringkat daerah.

6. Pada masa yang sama, PKD juga akan memaklumkan status dan perancangan daerah kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk penilaian seterusnya. Di peringkat negeri, JKN juga akan memaklumkan situasi kejadian pandemik di negeri masing-masing kepada Jawatankuasa Bencana di peringkat negeri. Ini adalah untuk memastikan penyelarasan di peringkat negeri dapat dilaksanakan.

7. JKN juga akan memaklumkan mengenai situasi pengurusan kejadian pandemik ini kepada *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, yang merupakan entiti di peringkat Ibu Pejabat KKM bagi penilaian risiko seterusnya.

8. Dua (2) jawatankuasa utama di KKM, iaitu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Bencana KKM dan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pengurusan Bencana KKM akan menilai dan merancang aktiviti intervensi kesihatan. Jawatankuasa ini juga akan memberi maklumbalas kepada Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19. Terkini, Sidang Khas MKN Mengenai Pengurusan COVID-19 turut melibatkan wakil dari beberapa Kerajaan Negeri bagi memastikan isu-isu yang dibincangkan di peringkat tersebut turut difahami dengan jelas, bagi membolehkan keselarian dari segi pelaksanaannya di lapangan – antaranya Menteri Besar Selangor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah. Sekian, terima kasih.